

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *IROFAS Syrup*
2. Bagaimana *IROFAS Syrup* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *IROFAS Syrup*
4. Cara menggunakan *IROFAS Syrup*
5. Semasa menggunakan *IROFAS Syrup*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *IROFAS Syrup*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan *IROFAS Syrup*

IROFAS Syrup mengandungi *Iron (III) Hydroxide Polymaltose Complex, Folic Acid* dan *Ascorbic Acid*. Ia digunakan untuk rawatan kekurangan zat besi laten dan anemia kekurangan zat besi.

Bagaimana *IROFAS Syrup* berfungsi

IROFAS Syrup terlibat dalam pembentukan dan fungsi sel darah merah.

Sebelum menggunakan *IROFAS Syrup*

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah kepada zat besi (*iron*) atau mana-mana bahan dalam *IROFAS Syrup*.
- Jika anda mempunyai penyakit hemosiderosis, hemochromatosis, talasemia, anemia sideroblastik, hemolisis kronik, atau anemia yang disebabkan oleh plumbum.
- Jika anda menerima pemindahan darah berulang.

Jangan gunakan ubat ini jika mana-mana di atas mengalami kepada anda. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan *IROFAS Syrup*.

-Sebelum menggunakan *IROFAS Syrup*

Sila pastikan anda memahami penerangan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini. Beritahu doktor/ahli farmasi anda jika anda mempunyai salah satu keadaan berikut:

- Jika anda berada di bawah rawatan epilepsi.
- Jika anda mempunyai hemosiderosis, hemochromatosis, talasemia, anemia sideroblastik, hemolisis kronik, atau anemia yang disebabkan oleh plumbum.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru mengambil sebarang ubat lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi, ubat herba, suplemen makanan atau vitamin. Ini adalah sangat penting jika anda mengambil salah satu ubat yang berikut:

- persediaan feros lain
- ubat perut anti-berasid
- tetracycline
- levodopa
- methyl dopa
- penicillamine
- fluoroquinolones seperti ciprofloxacin dan ofloxacin
- etanol
- phenytoin
- barbiturics
- cycloserine
- pil kontraseptif
- methotrexate
- pyrimethamine
- trimethoprim
- triamterene
- sulfamida
- ubat tuberculostatik
- suplemen zink

Kehamilan dan Penyusuan
IROFAS Syrup tidak mewakili sebarang risiko untuk wanita hamil dan menyusu pada dos yang ditetapkan.

Cara menggunakan *IROFAS Syrup*

-Berapa banyak harus digunakan

Ikuti semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan bantuan.

Menggunakan ubat ini:

- Ambil ubat ini dengan laluan lisan (*oral route*) sahaja.
- Sentiasa goncangkan botol sebelum digunakan.
- Gunakan cawan 10 ml dalam pek untuk mengukur dos.

Langkah berjaga-jaga perlu diambil semasa mengambil *IROFAS Syrup* dengan beberapa komponen makanan seperti phytin (datang dari bijirin) atau fosfat boleh menghasilkan sebatian yang tidak larut dengan besi. Penggunaan teh yang berlebihan juga boleh menghalang penyerapan zat besi.

Dos yang disyorkan untuk manifestasi kekurangan zat besi:

Dewasa, wanita yang menyusu dan kanak-kanak > 12 tahun: 10-20 ml setiap hari

1-12 tahun: 5-10 ml setiap hari

Bayi sehingga 1 tahun: 2.5-5 ml setiap hari

Wanita yang hamil: 20-30 ml setiap hari

Dos yang disyorkan untuk kekurangan zat besi laten:

Dewasa, wanita yang menyusu & kanak-kanak > 12 tahun: 5-10 ml setiap hari

1-12 tahun: 2.5-5 ml setiap hari

Wanita yang hamil: 10 ml setiap hari

IROFAS Syrup perlu diambil sebelum makan. Berdasarkan dos harian, *IROFAS Syrup* juga boleh diberikan dalam dos dibahagikan.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi

anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan *IROFAS Syrup* untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak *IROFAS Syrup*, anda harus memberitahu doktor anda sekali atau hubungi jabatan kecemasan terdekat.

Semasa menggunakan *IROFAS Syrup*

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *IROFAS Syrup*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan memberi *IROFAS Syrup* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin
Tiada diketahui

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, *IROFAS Syrup* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda melihat sebarang kesan sampingan yang berikut:

- sembelit
- loya atau jarang muntah
- najis warna hitam

Sila berjumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan selepas mengambil ubat ini

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web www.npra.moh.gov.my (Consumer -> Reporting -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan *IROFAS Syrup*

-Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30°C.

Jauhi semua ubat daripada kanakkanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cecair sirap berwarna coklat pekat.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Iron III hydroxide
polymaltose
Folic Acid
Ascorbic Acid

- Bahan tidak aktif
Xanthan gum
Liquid Sorbitol
Liquid Glucose
Sodium Benzoate
Sodium Methyl Hydroxybenzoate
Sodium Propyl Hydroxybenzoate
Disodium Edetate
Saccharin Sodium
Essence Raspberry
Colour Ponceau-4 R Supra
Sodium Hydroxide (Pellets)
Purified water

-MAL number: MAL19086011X

Pengilang

Gracure Pharmaceuticals Ltd.
E-1105, Industrial Area,
Phase-III Bhiwadi,
Alwar (Rajasthan),
India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Synercam (M) Sdn. Bhd.A-17-7,
BLOCK A, JAYA ONE, NO.
72A,JALAN PROFESOR
DIRAJA UNGKU
AZIZ,SEKSYEN 13, 46200
PETALING JAYA
MALAYSIA

Tarikh kemaskini

04/09/2024

Nombor siri

NPRA(R2/2)240924/1348